

26/01/1999

Malaysia mungkin perkenal sistem cukai keluar

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia mempertimbangkan kemungkinan memperkenalkan sistem cukai keluar bagi membolehkan pelabur asing membawa pulang modal lebih awal daripada yang dibenarkan sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pihaknya sedang berusaha menarik lebih ramai pelabur asing dengan membuat beberapa penyesuaian yang akan diumumkan pada satu ketika yang sesuai nanti.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kebimbangan mengenai kemungkinan berlaku pengaliran keluar dana secara besar-besaran dari Malaysia selepas 1 September ini.

Saranan bagi memperkenalkan sistem cukai itu disuarakan Dr Mahathir dalam dialog tertutup selama lebih sejam dengan 28 pengurus dana asing di pejabatnya di sini, hari ini.

Pengurus terbabit, kebanyakannya dari Amerika Syarikat dan Eropah mewakili Prudential Investment Management, Loomis, AIG London, Black Rock Financial, TCW, Guinness Flight Hambro Asset Management, Columbus Advisors, Fineco dan SF Sentry. Pertemuan itu dianjurkan penasihat kewangan kerajaan, Salomon Smith Barney.

Cukai keluar itu kini dipertimbangkan bagi membebaskan pelabur asing daripada terperangkap dengan dana yang begitu besar di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berikutan syarat pegangan setahun terhadap modal asing yang dikuatkuasa mulai September lalu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) petang ini, dalam pertemuan itu Perdana Menteri turut mengulangi bahawa dasar kawalan tukaran asing secara berpilih yang diperkenalkan September lalu bukan bermaksud untuk menutup pintu kepada pelaburan langsung asing (FDI).

"Kita tidak mengasingkan diri (daripada ekonomi sejagat). Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pelabur asing memainkan fungsi besar dalam membangunkan ekonomi negara," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku perubahan dalam dasar ekonomi kerajaan "dan masalah ekonomi adalah disebabkan oleh pedagang mata wang dan kegiatan manipulasi pasaran saham dan kita sudah menanganinya manakala yang lain kekal tidak berubah."

Bagaimanapun, katanya, dasar kawalan tukaran asing secara berpilih sudah menunjukkan keputusan positif berdasarkan peningkatan lebihan dagangan dan rizab asing negara manakala eksport dalam dolar Amerika turut meningkat sejak kebelakangan ini.

Pengurus dana asing terbabit turut menemui Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin; Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan pihak pengurusan Danamodal Nasional Bhd dan Pengurusan Danaharta Sdn Bhd serta Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat.

Daim yang juga pengarah eksekutif MTEN dalam pertemuan itu antara lain menyatakan kerajaan Malaysia adalah properniagaan dan sentiasa bersedia mendengar nasihat penasihatnya serta pengkritik.

"MTEN akan terus bekerja kuat sehingga Malaysia kembali ke landasan pertumbuhan. Buat sementara waktu, bagaimanapun, masih ada faktor luaran yang boleh memperlahankan pemulihan yang memerlukan pengawasan," kata Daim.

Menteri Tugas-Tugas Khas itu turut melahirkan kebimbangan mengenai perkembangan di Brazil dan kemungkinan penilaian semula mata wang yuan

China yang akan menyebabkan masalah kepada keseluruhan Asia.
(END)